

SAMARAHAN AMAZING FUN RACE DAN KOMUNITI SAMARAHAN BERSIH DAN SIHAT: SUMBANGAN UiTM CAWANGAN SARAWAK KEPADA KOTA ILMU SAMARAHAN

Dr Azlina Bujang



Pada 29 Jun 2024, UiTM Cawangan Sarawak telah menyertai Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) dalam penganjuran dua program komuniti yang bertempat di Tasik Desa Ilmu, Kota Samarahan. Program yang dilaksanakan adalah Samarahan Amazing Fun Race dan Komuniti Samarahan Bersih dan Sihat (Plogging & 10,000 Langkah).

Samarahan Amazing Fun Race adalah acara utama yang dianjurkan dengan kerjasama UiTM Cawangan Sarawak. Program ini melibatkan penyertaan seramai 70 pelajar dari SMK Muara Tuang dan SMK Kota Samarahan. Acara ini bertujuan untuk menguji kebolehan mental dan fizikal peserta melalui pelbagai cabaran dan aktiviti yang direka untuk memupuk semangat kerjasama, penyelesaian masalah, dan ketahanan fizikal. Sukarelawan dari pelajar-pelajar Komander UiTM Cawangan Sarawak memainkan peranan penting dalam pelaksanaan dan pengurusan acara ini, memastikan setiap aktiviti berjalan dengan lancar.

Untuk Program Komuniti Samarahan Bersih dan Sihat (Plogging & 10,000 Langkah), ianya adalah untuk meningkatkan kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar melalui aktiviti plogging, di mana peserta berjalan sambil mengutip sampah sepanjang laluan yang ditetapkan sejauh 5 km. Seramai 179 orang peserta, terdiri daripada penduduk Samarahan dan luar kawasan, turut mengambil bahagian dalam usaha ini. Aktiviti ini bertujuan untuk menggalakkan gaya hidup aktif serta menyemai semangat tanggungjawab terhadap pemeliharaan alam sekitar.

UiTM Cawangan Sarawak berharap agar kerjasama dengan MPKS dalam penganjuran acara sebegini dapat diteruskan pada masa akan datang. Usaha ini bukan sahaja memberikan peluang kepada pelajar untuk membantu agensi di sekitar Kota Samarahan tetapi juga memberikan impak positif kepada komuniti dan alam sekitar.

